



Kabinet Baharu Antara Harapan dengan Cabaran

Penyokong akan memuji dan menggantungkan harapan melangit, manakala penentang pula akan sentiasa mencari ruang untuk menidakkan kebolehan serta keupayaan pesaing mereka. Inilah hakikat yang perlu dilalui oleh kabinet baharu kerajaan Malaysia. Hal ini merupakan sesuatu yang normal dalam apa-apa juga sistem politik moden di mana-mana benua sekalipun. Perkara ini bukanlah perkara yang menghairankan.



Barisan menteri kabinet baru kerajaan Malaysia.



Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V memperkenalkan kabinet baru pimpinan Tun Dr. Mahathir.

Pada 2 Julai 2018 lalu, kabinet kerajaan baru pimpinan Pakatan Harapan (PH) dilengkapkan dengan penambahan anggota baharu apabila mereka mengangkat sumpah di hadapan Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V. Pada ketika ini, jumlah menteri dalam Kabinet Malaysia ialah 26 orang.

Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, tiga lagi menteri akan dilantik menjadikan keseluruhan barisan kabinetnya berjumlah 29 menteri. Pelantikan tiga menteri itu hanya boleh dilakukan selepas mereka mengangkat sumpah sebagai Senator di Dewan Negara. Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Parlimen ke-14 dijadualkan bersidang mulai 16 Julai 2018 hingga 16 Ogos 2018.

Sebelum itu, pada 21 Mei 2018, 13 menteri yang diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail mengangkat sumpah jawatan sebagai menteri berikutan kemenangan PH dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) pada 9 Mei 2018.

Sebenarnya, apabila seawal kumpulan pertama mengangkat sumpah jawatan pada 21 Mei 2018, perhatian rakyat dihalakan kepada keupayaan kabinet baharu ini. Hal tersebut menjadi lebih menarik kerana inilah kali pertama dalam sejarah Malaysia tampuk kuasa bertukar tangan kepada rejim berbeza, iaitu daripada kerajaan Barisan Nasional (BN) yang didominasi oleh UMNO kepada PH yang dikatakan tidak didominasi mana-mana parti gabungan secara khusus. Sejak itu, fokus dan bualan rakyat, antara lain, ditumpukan kepada kabinet baharu PH.

Cabaran Kabinet Baharu

Tidak mudah sebenarnya untuk memilih dan menyusun barisan kabinet baharu dari empat parti yang sama sekali berbeza dari segi latar belakang dan aspirasi politik.

Dalam tempoh melengkapkan senarai keanggotaan Kabinet itu, banyak rungutan didengar, terutama dalam media baharu. Para penyokong melahirkan kebimbangan jika proses mengisi dan melengkapkan kabinet baharu akan

mengambil tempoh lama ketika pada masa yang sama penentang cuba mengkritik kelewatan Tun Dr. Mahathir menyudahkan pembentukan jemaah Kabinetnya.

Secara jujur, dari satu segi kita semua seharusnya faham dan akur bahawa sejak negara mencapai kemerdekaan hampir 61 tahun lalu, inilah kali pertama rakyat Malaysia sebagai pengundi berjaya mengubah rejim kerajaan yang ada.

Dengan sokongan marhaen terbanyak, PH walaupun ketika itu masih tidak diluluskan pendaftarannya oleh Pendaftar Pertubuhan (ROS), berjaya menumbangkan gergasi politik BN yang sudah "bersemayam" di tampuk kuasa negara sejak merdeka. Lamanya tempoh "bersemayam" itu menyebabkan ada tempelan sinis bahawa sang penguasa itu sudah mula lupa rakyat jelata yang berada di bawah.

Dari sisi yang lain, ketika menelah pelbagai kemungkinan daripada kewujudan kerajaan rejim baharu ini ialah kejayaan PH membenamkan singa besar BN dalam kanchah politik Malaysia disifatkan sebagai ketakjuban politik yang akan tercatat dalam sejarah negara dan melengkapkan lagi data pengajian oleh mana-mana institusi kesarjanaan sains politik. Suka atau tidak, ini perlu diakui!

Atas sifatnya yang baharu, sudah tentu ada sedikit sebanyak kesukaran, termasuklah pada peringkat awal pembentukan kabinet. Namun begitu, kini kesukaran itu nampaknya sudah berjaya dilepasi oleh Dr. Mahathir. Barisan Kabinetnya kini hampir lengkap dari segi keanggotaannya. Malah, mereka sudah mula bekerja sebaik-baik sahaja diberikan mandat dan kuasa.

Walaupun bagaimanapun, sebaik-baik sahaja selesai acara mengangkat sumpah buat kali kedua pada 2 Julai lalu,

masih kedengaran rasa tidak puas hati dalam kalangan parti yang berpadu dalam PH. Parti yang tidak puas hati itu menggunakan hujah bahawa keanggotaan kabinet baharu ini perlu mengikut komposisi parti yang menang. Hal ini bermakna, parti yang lebih banyak memenangi kerusi sepatutnya menjadi lebih banyak anggota kabinet. DAP menyuarakan tidak puas hati mereka terhadap senarai keanggotaan kabinet. Ketua Pemuda DAP, Wong Kah Woh mempertikaikan tentang kewajaran Tun Dr. Mahathir mengetepikan senarai DAP dalam pelantikan kabinet.

Beliau menganggap tindakan perdana menteri tidak melantik Pengerusi DAP Perak, Nga Kor Ming dan Pengerusi DAP Sarawak Chong Chien Jen sebagai menteri sebagai tidak menghormati cadangan pimpinan parti itu. Beliau juga mempertikaikan kewajaran kabinet baharu itu yang menurutnya tidak mencerminkan kerusi yang dimenangi DAP dengan bilangan Ahli Parlimen kedua tertinggi selepas Parti Keadilan Rakyat (PKR).

Hal ini segera disanggah Ketua Pemuda BERSATU Selangor, Adhif Syan Abdullah yang meminta supaya Ketua Pemuda DAP itu memohon maaf kepada Yang di-Pertuan Agong, Dr. Mahathir, kabinet serta semua parti dalam gabungan PH. Adhif Syan menggunakan hujah hak prerogatif perdana menteri untuk memilih senarai kabinet setelah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong.

Adakah hujah ini wajar dan praktikal, terutama dalam konteks persepakatan untuk membina Malaysia baharu seperti yang digagaskan dan dicanangkan oleh PH? Dalam konteks ini, kunci keramat sehingga membawa kejayaan kepada PH ialah kesepakatan. Semua parti dalam PH patut mengakui terma ini. Segala-galanya bermula seawal peristiwa pemimpin politik dan aktivis masyarakat pelbagai kaum



Kerajaan baru pimpinan Pakatan Harapan (PH) sedang menggalas tanggungjawab yang besar dalam usaha melakar Malaysia baharu.



Semangat Malaysia baharu yang akan diteruskan oleh wajah-wajah ini.



Syed Saddiq, menteri kerajaan yang termuda.

berkumpul sebagai rakyat biasa dengan masing-masing melancarkan kempen satu kuasa undi di Kuala Lumpur pada 4 Mac 2016 bagi melancarkan petisyen bertemakan "Selamatkan Malaysia". Inilah detik asas yang perlu diambil kira.

Kempen itu berjaya memungut lebih satu juta tandatangan rakyat. Dari satu segi, hal tersebut merupakan satu kejayaan dalam konteks menyatukan muafakat di tengah-tengah perbezaan ketara pelbagai parti, iaitu BERSATU, PKR, AMANAH dan DAP walaupun kejayaan itu diperkecil oleh kerajaan BN pada ketika itu. Tidak mudah sebenarnya untuk "memurnikan perbezaan" di tengah-tengah kepelbagaian kepentingan dan ideologi setiap parti yang berbeza.

Sejak itu kita lihat gerakan politik baharu berpaksaan kesepakatan yang menggabungkan kawan dan lawan serta sahabat dan musuh dalam satu gagasan baharu yang bermatlamat untuk meneruskan agenda "Selamatkan Malaysia", bermula.

Fenomena itu menyemarakkan lagi semangat rakyat untuk bergerak ke hadapan menerusi kesepakatan politik

baharu yang tidak pernah wujud di negara ini lantas memberikan isyarat dan amaran jelas kepada kerajaan BN bahawa "kamu kini mempunyai persaingan kuat yang mungkin mengalahkan kamu". Namun isyarat dan amaran itu gagal difahami dan diyakini pimpinan BN sehingga akhirnya mereka tersungkur dalam PRU-14 lalu tersentak setelah sudah terlambat tanpa dapat berbuat apa-apa lagi.

Apa-apa yang mahu ditekankan ialah lambat atau cepat kewujudan kabinet baharu sudah tentulah disepakati setelah mengambil kira konsensus berkenaan. Proses itu sudah tentu tidak mudah kerana mengambil banyak masa dan pelbagai perkiraan yang perlu dicatur dan disusun. Jadi, apabila DAP membantah, parti itu mungkin membantah dengan asas. Namun, perkiraan akhir ialah konsensus itu sendiri yang mendasarkan semangat muafakat di dalam PH. Maka, terjemalah dalam rupa komposisi kabinet kerajaan baharu oleh PH sekarang.

Dalam apa-apa juga bentuk tolak ansur politik, pasti ada yang tidak berpuas hati dan tidak bersetuju. Namun,

kesepakatan yang dicapai perlulah dihormati. Inilah asas "keramat" yang perlu dipegang kuat oleh gabungan parti yang menunjangi PH. Setiap parti perlu sedar dan akur bahawa PH lahir daripada kesepakatan dan muafakat. Kegagalan mengekalkan keutuhan semangat kesepakatan dan muafakat ini akan memungkinkan gabungan ini pula ditolak mentah-mentah oleh rakyat pada PRU akan datang.

Sehingga kini, itulah antara cabaran kecil yang perlu dihadapi PH setelah mereka membentuk kabinet kerajaan baharu. Selain itu, penentang turut membangkitkan soal kebolehan dan fungsi Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail sebagai timbalan perdana menteri dengan "memainkan bayang" suaminya, Datuk Seri Anwar Ibrahim di belakang kelir politik semasa negara.

Ada pihak yang mempertikaikan kemampuan Dr. Wan Azizah sebagai timbalan perdana menteri jika tidak dibayangi suaminya. Walau bagaimanapun, hal ini sudah dijelaskan oleh Dr. Wan Azizah sendiri dengan membidas dakwaan berkenaan dan menyangkal sama sekali

dakwaannya menjadi boneka kepada Datuk Seri Anwar. Malah individu nombor dua wanita pertama negara itu menegaskan beliau bukan sekadar pemanas kerusi yang sewenang-wenangnya berada di jawatan itu. Dalam bidasan itu, beliau menjelaskan bahawa rujukannya dalam semua urusan berkaitan urus tadbir dan hal ehwal negara ialah dengan merujuk Dr. Mahathir. "Anwar sering mengatakan ini kabinet Tun (Dr. Mahathir), jadi dia tidak akan campur tangan," tegas Dr. Seri Wan Azizah.

Sebenarnya masih terlalu awal untuk melihat dan menilai prestasi Dr. Wan Azizah. Untuk berlaku adil, pihak yang sinis dan menentang PH patut memberikan masa dan ruang sebelum membuat kesimpulan awal. Bukan itu sahaja, malah banyak lagi cabaran menunggu kabinet Dr. Mahathir. Ternyata tanggungjawab yang perlu dipikul kabinet kerajaan PH ini agak mencabar atas sifatnya sebagai rejim baharu yang mahu mereformasi keseluruhan sistem dalam negara ini.

Rakyat tentu sahaja sedang memerhatikan sejauh mana janji-janji yang tertera dalam manifesto pilihan raya



Majlis angkat sumpah sebagai menteri di hadapan Yang di-Pertuan Agong.





Tun Dr. Mahathir dan Dato' Seri Dr. Wan Azizah berperanan sebagai tunjang utama kabinet kerajaan baharu.

tempoh hari tertunai atau sebaliknya. Setakat ini, rakyat telah mendapat jaminan yang berkuat kuasa 1 Jun 2018, bahawa Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) tidak lagi dikenakan.

Namun janji PH bukan itu sahaja. Banyak lagi senarai janji 100 hari pemerintahan kerajaan PH. Bukan mudah untuk mencapai kemenangan, tetapi lebih sukar mengisi kemenangan itu sendiri, apatah lagi menunaikan janji yang dibuat ketika kempen pilihan raya. Lebih sukar lagi ialah PH dikatakan mengambil alih negara dalam keadaan pelbagai masalah ekonomi, termasuk nilai mata wang, pelaburan asing dan pelbagai isu rasuah serta ketirisan dalam pengurusan ekonomi negara.

Detik berjalan terus. Lambat laun janji 100 hari kerajaan PH akan mencecah hari genapnya. Rakyat, terutama bukan pengundi PH, hanya menunggu hari untuk mengkritik jika PH gagal menunaikan janji 100 hari. Setakat ini, sudah ada yang pesimis terhadap kemampuan PH menunaikan janji 100 harinya, terutama membabitkan beberapa perkara. Malah, ada pihak yang menjangkakan ada antara 10 janji 100 hari PH seperti yang digariskan dalam manifesto PRU-14, mungkin tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh dijanjikan. Antaranya termasuklah laporan media yang memetik Prof Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin sebagai berkata, pelaksanaan janji 100 hari PH memerlukan proses berperingkat serta kompleks untuk dilaksanakan. Keadaan ini tegas beliau, beberapa janji itu perlu mengambil kira soal perundangan, pindaan atau

pewujudan akta baharu serta melalui pelbagai kajian dan tapisan mendalam. "Kita tahu sebagai penyelidik, untuk mengubah sesuatu itu tidak boleh dalam tempoh 24 jam, malah mungkin tidak pun sempat 100 hari, mungkin memerlukan 1000 hari dengan memerlukan perubahan peraturan, pengenalan akta baharu dan juga perdebatan di Parlimen," katanya.

Inilah antara cabaran yang perlu dilalui kabinet kerajaan baharu PH yang diketuai Dr. Mahathir. Namun, para penyokong PH tentu sekali optimis terhadap kemampuan Dr. Mahathir berbekalkan pengalaman 22 tahun menjadi perdana menteri sebelum ini. Lagi pun, pemerhati politik dan pentadbiran percaya, Dr. Mahathir bukan susuk biasa. Beliau dipercayai mempunyai "kepandaian" tersendiri yang mungkin tidak dimiliki oleh pemimpin lain.

Kekuatan Kabinet Baharu

Pengalaman luas memikul jawatan nombor satu negara selama 22 tahun sebelum ini membolehkan Dr. Mahathir menguruskan ketidakpuasan hati dalam pengagihan jawatan Kabinet dalam kalangan parti yang bersekutu dalam PH.

Setakat ini, tanpa bias atau memihak, tidak dapat tidak kita patut mengauki bahawa kabinet kerajaan



Idea dan gagasan mereka diperlukan dalam usaha merealisasikan agenda rakyat.

baharu ini mempunyai beberapa kekuatan tersendiri. Antaranya terdiri daripada tokoh berpengalaman, mempunyai kelayakan profesional dan ikhtisas tinggi serta mereka yang "berdarah muda" dengan stamina politik yang masih mencari ruang untuk menuju ke puncak.

Kabinet kali ini dibarisi mereka yang terserlah dari segi kelayakan profesional dan ikhtisas. Antaranya termasuklah Dr. Wan Azizah sendiri dengan kelayakan Ijazah Obstetrik dan Ginekologi (Royal College of Surgeons, Ireland), manakala Menteri Hal Ehwal Ekonomi Datuk Seri Mohamed Azmin Ali (Ijazah Sarjana Matematik dan Ekonomi, Universiti Minnesota, Amerika Syarikat) dan Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik (Ijazah Doktor Falsafah Sains Politik, Durham University, United Kingdom dan Ijazah Sarjana Fiqh dan Usul al-Fiqh, Universiti Malaya).

Menteri Kesihatan Dr. Dzulkefli Ahmad pula berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah Sains Perubatan (Toksikologi), Imperial College, St. Mary's Hospital Medical School, manakala Menteri Kewangan Lim Guan Eng (Ijazah Ekonomi, Universiti Monash Australia), Menteri Pembangunan Usahawan Mohd Redzuan Md Yusof (Ijazah

Sarjana Muda Kejuruteraan, University of Leeds, United Kingdom) serta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Saifuddin Nasution Ismail (Ijazah Sarjana Sains Agronomi, Universiti Putra Malaysia). Selain kriteria kelayakan akademik, status usia menteri kabinet kerajaan PH turut mendapat perhatian khalayak akademik sendiri, terutama Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman.

Penyertaan kalangan menteri dan timbalan menteri berusia muda dalam kabinet Dr. Mahathir yang sebelum itu dikecam kerana dianggap "terlalu tua" mendapat pujian banyak penganalisis dan dalam kalangan ahli akademik. Mereka menganggap hal tersebut sebagai suatu langkah progresif dan baik untuk negara. Dekan Kolej Undang-undang dan Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia (UUM) Prof. Madya Dr. Ahmad Martadha Mohamed berkata lebih banyak peluang perlu diperluaskan kepada ahli politik muda yang layak menjadi pemimpin. "Saya tidak mengatakan bahawa golongan veteran tidak relevan, tetapi individu yang harus dilantik (untuk jawatan peringkat tinggi)



Pemansuhan GST antara janji yang telah ditunaikan oleh kerajaan Pakatan Harapan.